

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

02.03.2018

## SUARA MSWG

Dua bulan lagi Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (“MCCG”) akan menyambut ulang tahun pertama sejak dikuatkuasakan pada 26 April 2017.

Syarikat-syarikat tersenarai awam pasti maklum perubahan yang diperkenalkan oleh MCCG berbanding Kod 2012, dalam usaha meningkatkan taraf tadbir urus korporat di Malaysia.

Kita berada di peringkat awal musim laporan tahunan. Kami mendapati gelombang pertama syarikat yang mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan mereka selepas 1 Januari 2018 masih belum mematuhi beberapa peruntukan MCCG 2017.

Sebahagian besar ketidakpatuhan adalah berkaitan pengarah bebas di peringkat lembaga pengarah.

### ***Pengundian Dua Peringkat Tidak Dipatuhi Apabila Tempoh Para Pengarah Bebas Dilanjutkan Sehingga 12 Tahun***

Ada beberapa contoh lembaga pengarah yang tidak mematuhi proses pengundian dua peringkat ketika mengekalkan para pengarah bebas melebihi tempoh perkhidmatan mereka iaitu 12 tahun.

Syarikat tersenarai awam perlu diingatkan tentang peruntukan MCCG 2017 yang menyatakan jika lembaga bercadang untuk mengekalkan pengarah bebas melebihi sembilan tahun, syarikat perlu mendapatkan justifikasi dan kelulusan pemegang saham dalam mesyuarat agung tahunan.

Jika lembaga terus mengekalkan pengarah bebas selepas tahun ke dua belas, lembaga perlu mendapatkan kelulusan pemegang saham secara tahunan melalui proses pengundian dua peringkat.

Dua peringkat ini terdiri daripada:

Peringkat 1: Pengundian oleh Pemegang Saham Besar

Peringkat 2: Pengundian oleh pemegang saham lain.

Walau bagaimanapun, di bawah panduan Kod, Syarikat Besar (iaitu syarikat dalam indeks 100 Teratas FTSE Bursa Malaysia atau syarikat dengan permodalan pasaran berjumlah RM2 bilion dan ke atas pada permulaan tahun kewangan syarikat) tidak digalakkan mengekalkan pengarah bebas bagi tempoh melebihi 12 tahun.

Kod ini berfungsi sebagai penambah baik (‘Step Up’) dasar pentadbiran yang menggalakkan lembaga supaya mengaplikasikan dasar yang menghadkan tempoh pengarah bebasnya kepada sembilan tahun, tanpa mengira syarikat itu Syarikat Besar atau bukan.

Syarikat tersenarai juga perlu diingatkan tentang aplikasi amalan pengundian dua peringkat supaya resolusi berkenaan (memanjangkan tempoh pengarah bebas melebihi 12 tahun) dibentangkan pada mesyuarat agung yang diadakan selepas 1 Januari 2018.

Kami juga mendapati terdapat ketidakpatuhan terhadap Amalan baharu di bawah Kod ini yang menyatakan sekurang-kurangnya separuh daripada lembaga perlu terdiri daripada pengarah bebas dan bagi Syarikat Besar, perlu ada majoriti pengarah bebas.

Perubahan ini menandakan peralihan yang ketara daripada Kod 2012 sebelum ini, yang hanya menyatakan dalam kes-kes yang mana pengerusi syarikat itu bukan pengarah bebas, lembaga perlu terdiri daripada majoriti pengarah bebas.

### ***Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi Orang Yang Sama***

Kami juga menyaksikan situasi yang mana jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif dipegang oleh individu yang sama. Amalan yang dianjurkan oleh Kod ini adalah jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif perlu dipegang oleh individu yang berlainan.

Pemisahan jawatan antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif menggalakkan akauntabiliti, memudahkan pembahagian tanggungjawab di antara mereka dan mengurangkan pemusatan kuasa, supaya tiada individu yang dapat mempengaruhi lembaga pengarah dalam perbincangan dan membuat keputusan.

Pengerusi berperanan sebagai pemimpin lembaga pengarah dalam pengawasan kolektif pengurusan manakala CEO memfokuskan kepada perniagaan dan pengurusan harian syarikat itu. Sebarang kompromi dalam hal ini meningkatkan peluang berlaku penipuan.

### ***Tidak Mematuhi Notis 28 Hari untuk Mesyuarat Agung Tahunan***

Akhir sekali, terdapat kes yang mana syarikat tersenarai tidak mematuhi tempoh notis tambahan selama 28 hari untuk memaklumkan para pemegang saham tentang mesyuarat agung tahunan yang akan datang.

MCCG 2017 telah memanjangkan tempoh notis sebelum ini selama seminggu iaitu dari 21 hari kepada 28 hari bagi mengukuhkan hubungan dan keterlibatan antara syarikat dengan para pemegang sahamnya, memandangkan mereka mempunyai lebih masa untuk mengatur jadual bagi mempersiapkan diri dan menghadiri AGM.

### ***Pilih Transisi Awal***

Syarikat perlu mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan mereka dapat membuat peralihan awal untuk menerima pakai prinsip dan mengaplikasikan amalan-amalan dalam MCCG 2017.

Syarikat tersenarai boleh meningkatkan lagi tadbir urus korporat mereka dengan mengadaptasi langkah-langkah penambahbaikan 'Step Up' dalam MCCG 2017.

### ***Kuala Lumpur Kepong Bhd (KLK) dan Batu Kawan Bhd (BKB)***

Pada 13 Februari, wakil kami menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) KLK dan BKB, yang mempunyai dua Pengarah Bebas dengan tempoh lebih 9 tahun (seorang daripada mereka telah berkhidmat dengan syarikat selama lebih 38 tahun).

Kami mengemukakan dua hujah:

1. Tiada Resolusi dibentangkan untuk kelulusan para pemegang saham bagi mengekalkan dua pengarah bebas yang sudah lama berkhidmat ini, mengikut peruntukan MCCG 2017.
2. Kedua-dua Pengarah Bebas ini turut berkhidmat dalam Jawatankuasa Pencalonan dan seorang daripada mereka adalah Pengerusi.

Menurut Lembaga Pengarah, mereka (iaitu lembaga pengarah) adalah penentu terbaik kebebasan dua pengarah ini dan sama ada mereka boleh terus berkhidmat sebagai pengarah bebas.

Kami maklum bahawa Lembaga dan Jawatankuasa Pencalonan bertanggungjawab menilai kualiti dan kebebasan para Pengarah Bebas. Walau bagaimanapun, lembaga perlu mendapatkan keputusan daripada pemegang saham mengenai kebebasan, profesionalisme dan kesesuaian para pengarah berkenaan melalui proses pengundian oleh pemegang saham.

Ini kerana para pemegang saham adalah pemilik syarikat tersenarai. Pemegang saham berbeza daripada lembaga dan berada pada kedudukan yang tidak berat sebelah untuk menentukan 'kebebasan' pengarah bebas.

Tambahan pula, kebebasan dan keobjektifan Jawatankuasa Pencalonan mungkin dipersoalkan kerana didominasi oleh mereka yang sudah lama berkhidmat sebagai pengarah bebas.

Di bawah MCCG 2017, syarikat tersenarai kini dikehendaki memberikan penjelasan yang munasabah bagi amalan atau amalan alternatif yang mereka aplikasikan.

Dalam kes yang mana kebebasan lembaga mungkin dikompromi atau dianggap telah dikompromi, syarikat perlu memberikan penjelasan yang lebih substantif, jelas dan meyakinkan.

Dalam kes KLK/BKB ini, kami merasakan penjelasan yang diberikan tidak memadai.

*PASUKAN MSWG*

*2 Mac 2018*

---

### **TINJAUAN MINGGUAN AGM MSWG UNTUK TEMPOH 5 HINGGA 9 MAC 2018**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Lokasi</b>
08.03.18 (Khamis) 10.00 pagi	Top Glove Corporation Bhd (EGM)	Top Glove Tower, 16, Persiaran Setia Dagang, Setia Alam, Seksyen U13, Shah Alam

# Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)

Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat [elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)

Abdul Halim Alias, Pengurus, Pemantauan Korporat [halim.alias@mswg.org.my](mailto:halim.alias@mswg.org.my)

Mustaqim Yusof, Penganalisa, Khidmat Korporat [mustaqim.yusof@mswg.org.my](mailto:mustaqim.yusof@mswg.org.my)

Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat [farisyusof@mswg.org.my](mailto:farisyusof@mswg.org.my)

---

## **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

---

## Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [corporateservices@mswg.org.my](mailto:corporateservices@mswg.org.my).

---

## **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*